

Headline	FRIM dan Bumi Armada laksana program pemuliharaan karbon		
MediaTitle	Utusan Sarawak		
Date	11 Oct 2012	Color	Full Color
Section	TEMPATAN	Circulation	37,981
Page No	d10	Readership	113,943
Language	Malay	ArticleSize	342 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,276
Frequency	Daily	PR Value	RM 3,828



FRIM dan Bumi Armada laksana program pemuliharaan karbon

KUALA LUMPUR, Rabu — Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (Frim) dan Bumi Armada Bhd hari ini menandatangani perjanjian untuk melaksanakan program ofset pemuliharaan karbon pertama di Malaysia.

Program ini akan melibatkan pemuliharaan karbon yang disimpan di Field 11, kawasan hutan seluas 5.6 hektar yang kaya dengan kepelbagaian biologi di kawasan kampus Frim di sini.

Perjanjian kerjasama itu ditandatangani di sini hari ini oleh ketua pengarah Frim Datuk Dr Abd Latif Mohmod dan pengarah eksekutif merangkap ketua pegawai eksekutif Bumi Armada Hassan Basma.

Dr Abd Latif berkata Field 11 berkemampuan menyimpan 3,938.6 tan karbon dioksida setahun, manakala sumbangan Bumi Armada sebanyak RM107,000 akan meliputi kredit

karbon daripada pemuliharaan tapak projek di hutan berkenaan untuk tempoh lima tahun.

Ofset karbon membolehkan individu, syarikat dan negara mengurangkan pengeluaran karbon dioksida (CO₂) masing-masing dengan mengimbangi, mengurangkan atau mengalih CO₂ ke tempat lain.

"Pengurangan CO₂ merupakan langkah penting dalam usaha mengurangkan potensi kesan buruk akibat perubahan iklim yang dihadapi masyarakat dunia sekarang.

"Oleh itu, adalah menjadi tanggungjawab setiap orang untuk mengurangkan pelepasan CO₂ dan menangani perubahan iklim," kata Dr Abdul Latif.

Beliau berkata ofset karbon meliputi tenaga boleh diperbaharui, kecekapan tenaga dan projek perhutanan semula.

"Bagaimanapun, pengiktirafan global sekarang semakin meningkat tentang pentingnya

pemuliharaan dan pengurusan hutan secara lestari bagi mengurangkan pelepasan CO₂," katanya.

Sementara itu, Hassan berkata Bumi Armada berbesar hati kerana berpeluang memainkan peranannya untuk melindungi warisan alam semula jadi negara ini dan menjadi syarikat pertama yang menyokong projek pemuliharaan karbon ofset.

"Walaupun kami percaya 3,938.6 tan karbon itu hanya merupakan peratusan kecil daripada jumlah karbon kita, tapi yang penting ialah penajaan ini akan menjadi pemangkin dalam pengurusan karbon di negara ini," katanya.

Kawasan seluas 5.6 hektar itu, lebih kurang sama saiznya dengan enam padangbola, mengandungi 2,176 pokok daripada lebih kurang 156 spesies tumbuhan termasuk cengal, meranti, keruing dan merawan.

— BERNAMA



Pengerusi Lembaga Penyelidikan dan Pembangunan Perhutanan Malaysia (MFRDB), Hajah Nancy Haji Shukry (tengah) menyaksikan pertukaran memorandum persefahaman antara Ketua Pengarah Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) Datuk Dr Abd Latif Mohmod (kiri) dengan Ketua Pegawai Eksekutif Bumi Armada Berhad, Hassan Basma (kanan) pada majlis menandatangani perjanjian Program Pemuliharaan Karbon Yang Pertama di Malaysia antara FRIM dan Bumi Armada Berhad di Kuala Lumpur semalam.

•BERNAMA